



SOALAN LAZIM

BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM) 2022

A. PENGENALAN

1. Apakah Bantuan Keluarga Malaysia (BKM)?

BKM adalah bantuan tunai Kerajaan yang lebih bersasar kepada golongan yang memerlukan bagi meringankan kos sara hidup dan beban rakyat berpendapatan rendah.

2. Siapakah yang layak menerima Bantuan Keluarga Malaysia (BKM)?

Pemohon layak menerima BKM sekiranya memenuhi kategori kelayakan seperti berikut:

i. Isi Rumah

- a) Kahwin; atau
- b) Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang mempunyai anak yang menepati syarat; dan
- c) Pendapatan Isi Rumah adalah RM5,000 dan ke bawah.

ii. Warga Emas Bujang / Tiada Pasangan

- a) Bujang atau Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang tidak mempunyai anak yang menepati syarat; dan
- b) Had umur adalah 60 tahun dan ke atas; dan
- c) Pendapatan Isi Rumah adalah RM5,000 dan ke bawah.

iii. Bujang

- a) Bujang atau Ibu atau Bapa Tunggal / Balu / Janda / Duda yang tidak mempunyai anak yang menepati syarat; dan
- b) Had umur adalah 21-59 tahun; dan
- c) Pendapatan Bujang adalah RM2,500 dan ke bawah.

Perkara	Isi Rumah	Warga Emas Bujang / Tiada Pasangan	Bujang
Status Perkahwinan	<ul style="list-style-type: none">• Kahwin• Ibu Bapa Tunggal yang mempunyai anak yang menepati syarat	<ul style="list-style-type: none">• Bujang• Ibu Bapa Tunggal yang tidak mempunyai anak yang menepati syarat	<ul style="list-style-type: none">• Bujang• Ibu Bapa Tunggal yang tidak mempunyai anak yang menepati syarat
Pendapatan	<ul style="list-style-type: none">• RM5,000 dan ke bawah	<ul style="list-style-type: none">• RM5,000 dan ke bawah	<ul style="list-style-type: none">• RM2,500 dan ke bawah
Kelayakan Umur	<ul style="list-style-type: none">• Tiada had umur	<ul style="list-style-type: none">• 60 tahun dan ke atas	<ul style="list-style-type: none">• 21-59 tahun

3. Adakah saya perlu membuat permohonan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM)?

Data penerima BPR 2021, data penerima BKC B40 dan data pemohon BPR 2021 yang tidak lulus atas alasan menerima GKP akan dibawa secara automatik ke dalam sistem BKM untuk diverifikasi kelayakan.

Permohonan baharu BKM perlu dibuat sekiranya tiada rekod dalam pangkalan data sedia ada LHDNM manakala bagi penerima sedia ada yang mempunyai sebarang perubahan maklumat, kemas kini hendaklah dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

4. Bilakah tempoh pengemaskinian maklumat / permohonan baharu Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) akan dibuka?

Tempoh pengemaskinian maklumat / permohonan baharu BKM boleh dibuat mulai **1 Januari 2022 - 31 Januari 2022 (1 bulan)**. Tertakluk kepada pindaan dari semasa ke semasa.

B. PEMBAYARAN

5. Berapakah jumlah bayaran asas Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) yang akan diterima?

Jumlah bayaran yang akan diterima adalah seperti berikut:

Kategori Bantuan	Pendapatan	Bilangan Anak / Nilai Bantuan		
		0	1-2	≥3
Isi Rumah	RM2,500 dan ke bawah	RM1,000	RM1,500	RM2,000
	RM2,501 - RM5,000	RM400	RM600	RM800
Warga Emas Bujang / Tiada Pasangan	RM5,000 dan ke bawah	RM600		
Bujang	RM2,500 dan ke bawah	RM350		

6. Siapakah yang layak menerima kadar tambahan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM)?

Kadar tambahan hanya diberikan kepada **penerima isi rumah** seperti berikut:

- i. Tambahan RM500 kepada penerima kategori isi rumah berstatus Ibu Bapa Tunggal (IBT) yang mempunyai anak menepati syarat; atau
- ii. Tambahan RM300 kepada penerima kategori isi rumah berstatus Warga Emas.

Kategori Bantuan	Pendapatan	Bilangan Anak	Kelayakan Asas	Kelayakan Selepas Kadar Tambahan
IBT yang mempunyai anak (tambahan RM500)	RM2,500 dan ke bawah	1-2	RM1,500	RM2,000
		≥3	RM2,000	RM2,500
	RM2,501 - RM5,000	1-2	RM600	RM1,100

		≥ 3	RM800	RM1,300
Isi Rumah berstatus Warga Emas (tambahan RM300)	RM2,500 dan ke bawah	1-2	RM1,500	RM1,800
		≥ 3	RM2,000	RM2,300
	RM2,501 - RM5,000	1-2	RM600	RM900
		≥ 3	RM800	RM1,100

Nota: Isi rumah berkenaan hanya layak menerima salah satu kadar tambahan sahaja.

7. Bilakah tarikh pembayaran Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) akan dibuat?

Pembayaran BKM akan dilaksanakan 4 kali setahun dan tarikh pembayaran akan dimaklumkan dari semasa ke semasa.

8. Bagaimanakah kaedah bayaran Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) ini dilaksanakan?

Pembayaran BKM adalah seperti kaedah pembayaran BPR 2021 / BKC sebelum ini:

Bil	Perkara	Kaedah bayaran
i.	Ada akaun bank: <ul style="list-style-type: none"> Berjaya kredit 	<p>Kredit ke akaun bank terkini yang didaftarkan dalam tempoh pengemaskinian/permohonan BKM; atau</p> <p>Kredit ke akaun bank sedia ada dalam pangkalan data BPR / BKC sekiranya tiada pengemaskinian maklumat dibuat</p>
	<ul style="list-style-type: none"> Gagal kredit (akaun tidak aktif dan akaun tutup) 	<p>Tuntutan Tunai di Cawangan BSN; atau</p> <p>Kemas kini maklumat akaun bank perlu dibuat semasa tempoh permohonan/ kemaskini BKM</p>
ii.	Tiada akaun bank	<p>Tuntutan Tunai di Cawangan BSN; atau</p> <p>Kemas kini maklumat akaun bank perlu dibuat semasa tempoh permohonan/ kemaskini BKM</p>